

**STRATEGI PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT : LET'S GET CRAFTY**  
**FUNGSI : KRAF DAN KREATIF**  
**TAJUK : ORIGAMI PISTOL**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1.	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekpresi kreatif)
2.	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	KE 3.3.4	Menghasilkan binaan kreatif
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Pemerhatian dan meneroka cara lipatan kertas dalam tayangan video
		<b>T</b>	Smart TV, video, kertas
		<b>R</b>	Berdikari, Sabar
		<b>E</b>	Menghasilkan origami pistol
		<b>A</b>	Mewarna origami pistol
		<b>M</b>	Konsep matematik awal ( saiz, bentuk, ukuran)
4	<b>OBJEKTIF</b>	Kanak-kanak dapat menghasilkan origami pistol.	
5	<b>BBM</b>	Kertas A4 pelbagai warna, pensil warna, krayon.	
6.	<b>NILAI MURNI</b>	Kanak-kanak dapat bekerjasama dalam melaksanakan tugas menghasilkan origami pistol dan boleh berinteraksi dengan orang lain semasa tugas dijalankan	
7	<b><u>STRATEGI</u></b>		
		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.</li> <li>2. Kanak-kanak menonton video origami pistol. (<a href="https://www.youtube.com/watch?v=opeYHxC6LPw">https://www.youtube.com/watch?v=opeYHxC6LPw</a>)</li> <li>3. Guru bersoaljawab tentang cara penghasilan origami pistol.</li> </ol>	

**Contoh:**

Bilakah pistol digunakan?

Adakah pistol senjata yang merbahaya?

Apakah kegunaan pistol?

Siapakah yang boleh menggunakan pistol?

Siapa pernah buat origami pistol?

Apakah bahan-bahan yang kita perlukan untuk menghasilkan origami pistol?

4. Kanak - kanak melihat demostrasi penghasilan origami pistol oleh guru.
5. Kanak-kanak menghasilkan origami pistol menggunakan kertas A4 secara individu dengan bimbingan guru.
6. Kanak-kanak mewarnakan origami pistol yang telah dihasilkan.
7. Kanak-kanak bercerita tentang origami pistol yang dihasilkan.
8. Hasil kerja dipamerkan di ruang Pameran Hasil Kerja kanak-kanak.

**Nota:**

- **guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak**